



RAZAK Abdullah menunjukkan durian yang tiada biji dan isi di Kampung Tanjung Nering Kupang, Baling, Kedah, semalam.

Cikgu kecewa kerana durian berisi hampas

BALING 15 Nov. - Hasrat seorang guru bersama isteri yang baru pulang menunaikan haji untuk menikmati durian 'Batil Mas' hampa apabila mendapati sepokok durian yang berbuah lebat rupa-rupanya durian hampas.

Guru terlibat, Razak Abdullah, 49, dan isteri, Asiah Md Isa, 46, dari Kampung Tanjung Nering Kupang dekat sini terkejut kerana semua durian yang luruh itu tidak mempunyai isi.

"Bukan sahaja sebiji malah setiap kali buah yang gugur dikupas, kami belum menemui seulas pun isinya," katanya ketika ditemui di rumahnya.

Tambahnya, terdapat hanya em-

pulur putih yang keras dan tebal dalam buah tersebut apabila dikupas.

"Durian yang ditanam di tanah berkeluasan 0.8 hektar itu sebelum ini pernah berbuah namun tidak berbuah banyak dan lebat seperti kali ihi tetapi sayang berbuah hampas," katanya.

Razak berkata, dia berharap ada pihak khususnya daripada Jabatan Pertanian atau Universiti Putra Malaysia (UPM) menjalankan kajian berhubung perkara itu.

Razak boleh dihubungi melalui talian 013-4963055 bagi memudahkan pihak berkenaan membantu pemilik pokok durian ini.